

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِتْيَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Daripada Abi Hurairah رضي الله عنه, bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda : Barang siapa yang mendirikan [malam] Ramadhan dalam keadaan beriman dan mengharapkan pahala Allah, akan diampunkan untuknya apa yang telah lalu daripada dosanya.

[Al-Bukhari No : 38]

Semoga Allah سبحانه memberi kita kekuatan untuk beramal di bulan Ramadhan ini, serta menjadikan kita diantara orang-orang yang mendapat pengampunannya di dalam bulan ini! Amin.

Dalam masalah akidah dan ibadah umat Islam wajib bersifat eksklusif dalam pengertian "haram mencampuradukkan antara akidah dan ibadah umat Islam dengan akidah dan ibadah pemeluk agama lain".

Pluralisme, Sekularisme dan Liberalisme agama adalah fahaman yang bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Pluralisme agama adalah suatu faham yang mengajarkan bahawa semua agama adalah sama.

Liberalisme adalah memahami nash-nash agama (Al-Quran dan As Sunnah) menggunakan akal fikiran yang bebas.

Sekularisme adalah memisahkan urusan duniawi daripada agama.

# Risalah



# Ta'lim

YAYASAN TA'LIM TTDI KL, NO 42A & 44A LORONG RAHIM KAJAI 14,  
TAMAN TUN DR ISMAIL, 60000 KUALA LUMPUR  
TEL : 0377282393/0377275067 | FAX : 0377288067  
<http://www.islamiclearningcentre.com>

Terbitan Yayasan Ta'lim, TTDI Bil (9) 1 Ramadhan/11 Ogos 2010

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

185. (Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadhan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah.

[Al-Baqarah:185]

## Bulan Ramadhan dan kelebihanannya.

Pertama: Di dalamnya terdapat satu malam yang beribadah didalamnya lebih baik daripada beribadah seribu bulan

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ حَبْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾  
تَنْزِيلُ الْمَلَكِ وَالرُّوحِ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾ سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ﴿٥﴾

1. Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Lailatul-Qadar, dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran malam Lailatul-Qadar itu?
2. malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan.
3. pada malam itu, turun alaiikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut);
4. sejahteralah malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar! [ QS Al Qadr ]

Kedua : Pada bulan inilah, sebaik - baik kitab diturunkan kepada sebaik - baik Rasul. Kata Ibnu Katsir : Allah ﷻ memuji bulan Ramadhan dengan memilihnya daripada bulan-bulan yang lain sebagai bulan diturunkan Al-Quran yang Agung. [Tafsir Ibnu Katsir, Jilid 1, ms 221]

Ketiga : Pada bulan ini, pintu syurga dibuka dan pintu neraka ditutup dan syaitan dibelenggu. Daripada Abu Hurairah ﷺ bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda: “Apabila datang malam Ramadhan yang pertama, Syaitan dan Jin - Jin yang melampau kejahatannya dibelenggu, Pintu - pintu Syurga dibuka dan tidak ada satu pun yang tertutup. Pintu-pintu neraka ditutup dan tidak ada satu pun yang terbuka. Kemudian seorang penyahut memanggil: “Wahai orang - orang yang mencari kebaikan, teruskanlah ( membuat kebaikan )!; Wahai orang - orang yang mencari kejahatan, berhentilah! Dan Allah mempunyai hamba-hambanya yang dibebaskan daripada Api neraka.” Dan pembebasan ini berlaku setiap malam.” [At-Tirmizi, Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah, Hadis Sahih. Lihat Sahih Al-Jami' No: 759]

Jika ditanya; Kenapa masih banyak orang melakukan kejahatan di Bulan Ramadhan sekiranya syaitan dibelenggu?  
Ibnu hajar Al - Asqalani menjawab persoalan ini:  
Makna syaitan dibelenggu ialah kejahatan berkurangan bagi sesiapa yang menjaga syarat puasa serta adab - adabnya,  
Atau, yang dibelenggu ialah syaitan - syaitan yang melampau, bukan semuanya, Atau, sedikitnya kejahatan yang berlaku pada bulan ini. Kejahatan yang dilakukan pada bulan ini adalah sedikit berbanding dengan bulan - bulan lain kerana sekiranya dibelenggu semua syaitan sekalipun tak semestinya tiada kejahatan kerana penyebab-penyebab kejahatan yang lain masih ada seperti Nafsu-nafsu yang jahat, adat-adat yang buruk serta syaitan-syaitan dikalangan manusia”. [Fathul Bari (huraian kepada Hadis-hadis di dalam Sahih Al-Bukhari), Juz 4, ms 145]

Keempat : Banyak ibadah-ibadah yang khas pada bulan Ramadhan sahaja. Pada bulan Ramadhan terdapat banyak ibadah - ibadah yang sebahagiannya tidak terdapat pada bulan-bulan lain seperti Puasa Ramadhan, Solat Tarawih dan Zakat Fitri. Begitu juga, sebahagian yang lainnya pula lebih diutamakan di dalam bulan ini berbanding bulan-bulan yang lain seperti I'tikaf, sedekah, tadarus Al-Quran, memberi makan kepada orang - orang yang terbuka.

Daripada Abu Hurairah ﷺ Rasulullah ﷺ telah bersabda: “Sesiapa yang berpuasa di dalam bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala, diampunkan dosa-dosanya yang lalu” [Al-Bukhari No:38]

Daripada Zaid Bin Khalid Al-Juhani ﷺ nabi ﷺ Bersabda: “Sesiapa yang memberi makan kepada orang yang berbuka, maka baginya juga pahala orang yang diberi makanan tadi tanpa dikurangi sedikitpun daripada pahalanya” [At-Tirmizi, hasan sahih]

Nabi ﷺ bersabda:  
“Sesiapa yang bersolat bersama imam sehingga imam beredar, baginya pahala seperti mendirikan solat sepanjang malam” [Abu Daud No:1370, Sahih]

Kelima : Amalan-amalan baik di gandakan pada bulan ini.

Amalan-amalan baik digandakan di pada bulan ini. Manakala perbuatan jahat pada bulan ini dianggap lebih besar berbanding bulan lain.

“Digandakan kebaikan dan kejahatan di tempat - tempat yang mulia seperti Mekah, Madinah, Baitul Maqdis, di dalam masjid. Begitu juga pada waktu-waktu yang mulia seperti Hari Jumaat, Bulan-bulan Haram dan Ramadhan. Adapun penggandaan kebaikan, tidak ada khilaf (perbezaan) antara ulama'. Adapun Penggandaan kejahatan, sebahagian ulama' berpendapat berlakunya penggandaan tersebut mengikut pandangan Ibnu Abbas dan Ibnu Mas'ud ﷺ. Sebahagian ulama' muhaqqiq (peneliti) berkata: maksud penggandaan itu bukanlah dosa itu berganda dari jumlahnya tetapi keadaan dosa itu dilakukan (iaitu pada tempat dan waktu mulia tersebut) menjadikan ia lebih teruk berbanding jika ianya dilakukan pada bulan-bulan yang lain.” [Matalib Ulin Nuha /385]

Keenam : Doa - doa menjadi mustajab dan pembebasan daripada neraka.

Daripada Abu Hurairah ﷺ telah berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda: “Allah mempunyai hamba-hamba yang dibebaskan pada setiap hari dan malam (daripada neraka - pada bulan Ramadhan). Setiap orang daripada mereka mempunyai doa yang mustajab” [Riwayat Ahmad 2/254, Berkata Al - Haithami dalam Majma' Zawaid (10;/216) : “perawinya - perawinya perawi yang sahih”]

Ketujuh : Umrah di bulan ini pahalanya seumpama Haji.

Daripada Ibnu Abbas ﷺ telah berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda kepada seorang wanita daripada Ansar: “Apa yang menghalang kamu daripada melakukan haji bersama kami?” Jawab wanita itu: “Kami mempunyai seekor unta, tetapi ditunggangi oleh bapa (suaminya) dan anaknya, dan meninggalkan seekor unta untuk bercucuk tanam.” Rasulullah ﷺ bersabda; “Apabila tiba Ramadhan, lakukanlah umrah di dalamnya, kerana sesungguhnya (umrah didalamnya) sama seperti haji”

[Al-Bukhari No:1782, Muslim No:1256]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Daripada Abu Hurairah ﷺ, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah ﷺ : Barang siapa yang berpuasa Ramadhan dalam keadaan beriman dan mengharapkan pahala Allah, akan diampunkan untuknya apa yang telah lalu daripada dosanya.

[Al-Bukhari No : 38]